

PENGHASILAN DAN PENGUJIAN MODUL PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR
MATA PELAJARAN SENI REKA FESYEN
BAGI KURSUS SENI REKA FESYEN DI POLITEKNIK JOHOR BAHRU

RASYIDAH BTE SULONG

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TIHO



3 0000 00077582 9

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PENGHASILAN DAN PENGUJIAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR MATA PELAJARAN SENI REKA FESYEN BAGI KURSUS SENI REKA FESYEN DI POLITEKNIK JOHOR BAHRU

SESI PENGAJIAN : 2001/2002

Saya RASYIDAH BTE SULONG
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini di simpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Projek Sarjana adalah hakmilik Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila Tandakan

SULIT

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI (1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat tetap:
No 18, Jalan Berlian 6,
Taman Cahaya Masai,
81700, Pasir Gudang , Johor



(TANDATANGAN PENYELIA)

Nama Penyelia

EN. MOHD YUSOP ABD. HADI

Tarikh : 30 SEPTEMBER 2002

Tarikh : 30 SEPTEMBER 2002


- CATATAN :
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
 - Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“ Saya mengakui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk rujukan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”

Penyelia : En Mohd Yusop Bin Abd. Hadi

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Handwritten signature of En Mohd Yusop Bin Abd. Hadi, consisting of stylized initials 'M.Y.B.' and a surname 'Hadi'.

24/9/2002


PENGHASILAN DAN PENGUJIAN MODUL PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN BERPUSATKAN PELAJAR
MATA PELAJARAN SENI REKA FESYEN
BAGI KURSUS SENI REKA FESYEN DI POLITEKNIK JOHOR BAHRU

RASYIDAH BTE SULONG


Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002



“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan : 
Nama Penulis : RASYIDAH BTE SULONG
Tarikh : 30 SEPTEMBER 2002

DEDIKASI

Alhamdulillah

Syukur Terhadap Ilahi Atas Rahmat Kesihatan Dan KeizinanNya
Dapat Melengkapkan Projek Sarjana Ini.....

Al-Fatihah Buat Arwah Ayah, Sulong Abd Ghani,
Kudoakan Semoga Rohmu Berada Bersama Roh Insan Terpelihara
Insya Allah Akan Kutunaikan Permintaan Terakhirmu.....

Istimewa Buat Suami Tercinta Ahmad Reyme, Terima Kasih Atas Dorongan, Sokongan
Dan Pengorbanan... Anak Ibu, Terima Kasih Kerana Memahami...

Yang dikasihi Ibu Saona Daud, Ibu Siti Redah dan Ayah Ahmad Tuli Moh, Serta
Keluarga, Along, Angah, Kakak-Kakak dan Adik-adik
Kuhargai Segala Sokongan Mental, Spiritual Dan Material.....

Buat Kakak Tersayang Khatijah Daud, Motivasi Menerangi Kehidupan,
Jasamu Semekar Ingatan

Pensyarah-Pensyarah Yang Dihargai juga En Mohd Yusop Hadi,
Ilmumu Jadi Panduan.....

Teman Seperjuangan Su, Jeda, Eja, Kak Noni, Fiza, Kak Nita
Ku Hargai Jalinan Persahabatan.....

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur atas nikmat kurnia Ilahi atas kesempatan dan izinNya Projek Sarjana ini dapat disiapkan walaupun menghadapi pelbagai ujian dan dugaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada Penyelia Projek Sarjana, En. Mohd Yusop bin Abd. Hadi atas segala nasihat, bimbingan dan dorongan.

Ucapan terima kasih kepada barisan panel penilai yang banyak memberi dorongan dan teguran yang membina. Tidak dilupakan sekalung penghargaan kepada semua pensyarah yang terlibat dalam mencurahkan ilmu mendidik dan membimbing pelajar Sarjana Pendidikan di KUiTTHO.

Seterusnya, setinggi-tinggi terima kasih kepada rakan-rakan di Politeknik Johor Bahru Puan Nafsiah Sairi, Cik Rafidah Khalid, Puan Zaharah Isa dan Encik Zamri atas kerjasama, pandangan dan teguran dalam usaha melengkapkan tugas ini.

Akhir sekali, istimewa kepada semua rakan seperjuangan. Buat kalian, semoga kepayahan yang pernah ditempuhi bersama akan menjadi asas ketabahan untuk mendepani cabaran akan datang. Insya Allah.

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk “ *Penghasilan dan Pengujian Modul Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen Bagi Kursus Seni Reka Fesyen di Politeknik Johor Bahru*”. Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti amalan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan untuk mengajar mata pelajaran Seni Reka Fesyen di politeknik, mengesan minat pelajar dan amalan pensyarah dalam menimbulkan minat belajar di kalangan pelajar, mengesan faktor motivasi dan keyakinan diri yang ditunjukkan oleh pelajar dan pensyarah dalam usaha meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran, mengesan masalah, mencari serta mencadangkan alternatif kepada golongan pendidik untuk mempergiatkan aktiviti pengajaran sekaligus meningkatkan kecemerlangan pelajar. Responden terdiri dari 4 orang pensyarah yang terlibat secara langsung dalam P&P berpusatkan pelajar dan kaedah temubual berstruktur digunakan untuk memperolehi jawapan kepada persoalan kajian. Pengkaji juga menghasilkan satu modul sebagai alternatif kepada permasalahan yang ditimbulkan hasil analisis kajian. Modul Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Seni Reka Fesyen telah diuji keberkesanannya terhadap 10 orang pelajar yang dipilih secara rawak dalam sebuah kelas dan terbukti dapat membantu dalam menghasilkan pelajar yang lebih berfikiran kreatif dan kritis, aktif, bermotivasi, berkeyakinan, mandiri dan bertanggungjawab.

ABSTRACT

The title of this research is “*To Produce and To Test The Module Of Teaching and Learning Of Student Centered From Fashion Design Subject To The Fashion Designing Course At Polytechnic, Johore Bahru*”. Generally the purpose of the research are to reveal the habit of teaching and learning of Fashion Design at Polytechnic , to find out the interest of the students and how the lecturers do to motivate students, to uncover the factors of motivation, and self-esteem of students and lecturers towards teaching and learning enhancement, to find out the problems, to figure out and suggest the alternatives activities and at the same time producing excellent students. Respondents are 4 lectures, that involved in the teaching and learning student centered. The structured interview method was used to answer the research questions. Researcher also produced a module as an alternative to the research problem from the result of analysis. The module was assessed and as been proved to produce more creative, active, motivated, confident, independent and responsible students.

KANDUNGAN

| PERKARA | HALAMAN |
|-------------------------------------|---------|
| BORANG PENGESAHAN KAJIAN KES | |
| PENGESAHAN PENYELIA | |
| TAJUK PROJEK SARJANA | i |
| PENGAKUAN PENYELIDIK | ii |
| DEDIKASI | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI RAJAH | x |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI SINGKATAN PERKATAAN | xv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvi |

BAB I : PENGENALAN

| | | |
|-----|-------------------------------|---|
| 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Masalah Kajian | 3 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 6 |

| | | |
|-----|----------------------|----|
| 1.4 | Objektif Kajian | 7 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 8 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.7 | Limitasi Kajian | 10 |
| 1.8 | Definisi Operasional | 11 |

BAB II : SOROTAN KAJIAN

| | | |
|-------|---|----|
| 2.1 | Takrif Pembelajaran Berpusatkan Pelajar | 17 |
| 2.2 | Teori Pengalaman Kolb's | 18 |
| 2.3 | Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar | 20 |
| 2.3.1 | Kebaikan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar | 20 |
| 2.3.2 | Kelemahan Pengajaran Dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar | 21 |
| 2.4 | Kaedah Pengajaran Berpusatkan Pelajar | 22 |
| 2.4.1 | Kaedah Melalui Buku Teks | 23 |
| 2.4.2 | Kaedah Bahan Media | 25 |
| 2.4.3 | Kaedah Pembelajaran Berasaskan Komputer dan Multimedia | 27 |
| 2.4.4 | Kaedah Kerja Kursus Individu dan Projek | 28 |
| 2.4.5 | Kaedah Penemuan Inkuiri | 30 |
| 2.5 | Kriteria Asas Sesebuah Modul | 31 |
| 2.6 | Ciri-Ciri Modul Yang Baik | 32 |
| 2.7 | Langkah-Langkah Untuk Menghasilkan Modul | 33 |
| 2.8 | Kesimpulan | 35 |

BAB III : METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|-------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 36 |
| 3.2 | Subjek | 37 |
| 3.3 | Rekabentuk Kajian | 37 |
| 3.4 | Prosedur Kajian | 38 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 40 |
| 3.6 | Pengumpulan Data | 41 |
| 3.7 | Analisis Data | 42 |

BAB IV : REKABENTUK PRODUK

| | | |
|------|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 44 |
| 4.2 | Penghasilan Modul | 45 |
| 4.3 | Objektif Penghasilan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar | 46 |
| 4.4 | Kepentingan Modul | 47 |
| 4.5 | Bentuk-bentuk dan Ciri-ciri Modul | 48 |
| 4.6 | Proses Pembangunan Modul | 50 |
| 4.7 | Model Modul | 52 |
| 4.8 | Kronologi Pembinaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen | 54 |
| 4.9 | Permasalahan dalam Pembinaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Seni Reka Fesyen | 59 |
| 4.10 | Bahan, Kos dan Masa Pembinaan Modul | 60 |
| 4.11 | Sasaran Penggunaan Modul | 61 |
| 4.12 | Penilaian Modul | 61 |
| 4.13 | Kesimpulan | 62 |

BAB V : ANALISA DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|----------------------|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 63 |
| | 5.1.1 Kajian Pertama | 63 |
| | 5.1.2 Kajian Kedua | 66 |
| 5.2 | Analisis Dapatan | 66 |
| | 5.2.1 Kajian Pertama | 67 |
| | 5.2.2 Kajian Kedua | 93 |
| 5.3 | Kesimpulan | 104 |

BAB VI : PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

| | | |
|-----|---|-----|
| 6.1 | Pendahuluan | 106 |
| 6.2 | Perbincangan | 106 |
| 6.3 | Kesimpulan | 108 |
| 6.4 | Cadangan | 110 |
| | 6.4.1 Mengadakan Pertandingan Mereka Fesyen | 111 |
| | 6.4.2 Mengadakan Pameran Kerjaya | 112 |
| 6.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 112 |

| | |
|--------------------|------------|
| BIBLIOGRAFI | 114 |
|--------------------|------------|

| | |
|-----------------|------------|
| LAMPIRAN | 118 |
|-----------------|------------|

SENARAI RAJAH

| NO RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|---|-------------------|
| Rajah 1.0 | Peringkat Pengalaman Pembelajaran Berdasarkan Teori Kolb's. | 18 |
| Rajah 4.1 | Carta alir bagi rekabentuk dan pembinaan modul yang telah diubahsuai (Meyer 1988) | 50 |
| Rajah 4.2 | Model yang telah diubahsuai dari model Shaharom Noordin (1995) | 53 |
| Rajah 4.3 | Kronologi Penghasilan modul | 55 |

SENARAI JADUAL

| NO JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|-------------------|--|-------------------|
| Jadual 2.1 | Kebaikan dan Kelemahan Kaedah Penggunaan Bahan Teks | 24 |
| Jadual 2.2 | Kebaikan dan Kelemahan Kaedah Penggunaan Bahan Media | 26 |
| Jadual 2.3 | Kebaikan dan Kelemahan Kaedah Penggunaan Komputer dan Multimedia | 28 |
| Jadual 2.4 | Kebaikan dan Kelemahan Kaedah Kerja Kursus Individu dan Projek | 30 |
| Jadual 3.1 | Kronologi Prosedur Kajian, Pembinaan dan Pengujian Modul | 39 |
| Jadual 4.1 | Kronologi Penghasilan Modul | 45 |
| Jadual 5.1 | Kronologi Kajian Pertama | 65 |
| Jadual 5.2 | Kronologi Kajian Kedua | 66 |

| | | |
|--------------------|--|----|
| Jadual 5.3 | Jawapan Kepada Soalan Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Sering Digunakan Oleh Pensyarah Dalam Mengajar Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen | 69 |
| Jadual 5.4 | Jawapan Kepada Soalan Bagaimana Cara Yang Paling Berkesan Untuk Menarik Perhatian Pelajar Agar Berminat Dengan Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen | 71 |
| Jadual 5.5 | Jawapan Kepada Soalan Bagaimana Pensyarah Menggalakkan Pelajar Agar Lebih Berdikari | 74 |
| Jadual 5.6 | Jawapan Kepada Soalan Bagaimana Pensyarah Merangsang Pelajar Berfikir Secara Kreatif Dan Kritis | 76 |
| Jadual 5.7 | Jawapan Kepada Soalan Bagaimana Pensyarah Mewujudkan Motivasi Kepada Pelajar | 78 |
| Jadual 5.8 | Jawapan Kepada Soalan Tindakan Pensyarah Jika Pelajar Mempunyai Masalah Dalam Pembelajaran | 80 |
| Jadual 5.9 | Jawapan Kepada Soalan Bagaimanakah Kumpulan Pelajar Diorganisasikan | 82 |
| Jadual 5.10 | Jawapan Kepada Soalan Pensyarah Menjalankan Proses Soal Jawab Dengan Pelajar | 84 |
| Jadual 5.11 | Jawapan Kepada Soalan Reaksi Pensyarah Apabila Pelajar Memberi Jawapan Yang Salah | 86 |

| | | |
|--------------------|---|----|
| Jadual 5.12 | Jawapan Kepada Soalan Reaksi Pensyarah Apabila Pelajar Memberi Jawapan Yang Betul | 88 |
| Jadual 5.13 | Jawapan Kepada Soalan Bagaimanakah Rumusan Dibuat | 89 |
| Jadual 5.14 | Jawapan Kepada Soalan Masalah yang Dihadapi Serta Cadangan Strategi Yang Sesuai Untuk Meningkatkan Kaedah Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Bagi Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen Kursus Seni Reka Fesyen di Politeknik | 91 |
| Jadual 5.15 | Jawapan Kepada Soalan Adakah Modul Yang Dihasilkan Memudahkan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dilaksanakan. | 94 |
| Jadual 5.16 | Jawapan Kepada Soalan Adakah Modul Yang Dihasilkan Merupakan Alternatif Bagi Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen Yang Fleksibel Dan Mengambil kira Faktor Sosiologi Dan Psikologi Pelajar | 96 |
| Jadual 5.17 | Jawapan Kepada Soalan Bolehkah Pelajar Belajar Sendiri Menggunakan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Tanpa Bergantung Kepada Pengajaran Pensyarah | 97 |
| Jadual 5.18 | Jawapan Kepada Soalan Penggunaan Modul Yang Disediakan Berjaya Menghasilkan Pelajar Yang Aktif, Kreatif, Kritis, Mandiri, Bertanggungjawab Dan Berkeyakinan Dalam Melaksanakan Pembelajarannya | 99 |

| | | |
|--------------------|---|-----|
| Jadual 5.19 | Jawapan Kepada Soalan Adakah Modul Yang Dihasilkan Berjaya Memupuk Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen Serta Merangsang Pemikiran Pelajar Mencuba Idea-Idea Baru | 101 |
| Jadual 5.20 | Komen Responden Setelah Membaca Modul | 103 |

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

| | |
|------|--------------------------------------|
| P&P | Pengajaran dan Pembelajaran |
| KBSR | Kurikulum Baru Sekolah Rendah |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| MLVK | Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan |
| SKK | Standard Kemahiran Kebangsaan |
| NOSS | National Occupational Skill |
| PKM | Persijilan Kemahiran Malaysia |
| JHF | Jabatan Hospitaliti dan Fesyen |
| DFP | Diploma Seni Reka Fesyen dan Pakaian |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|---|-------------------|
| A | Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan | 118 |
| B | Silibus Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen Semester 3 | 119 |
| C | Surat Kebenaran Pinjaman Buku Di Perpustakaan Sultan Ismail Politeknik Johor Bahru | 122 |
| D | Contoh Soalan Temubual (Kajian Pertama) | 123 |
| E | Contoh Soalan Temubual (Kajian Kedua) | 126 |
| F | Modul Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen bagi Kursus Seni Reka Fesyen di Politeknik Johor Bahru. | 128 |

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Senario pendidikan masa kini menuntut perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) seiring dengan perkembangan dunia semasa. Kaedah P&P sentiasa memerlukan perubahan sesuai dengan perkembangan semasa pelajar agar misi dan visi pendidikan dapat dicapai secara total. Strategi pembelajaran berpusatkan pelajar adalah strategi efektif yang berpotensi menyediakan persekitaran yang kondusif. Strategi ini melibatkan peranan pelajar secara aktif dalam melaksanakan sistem pembelajaran mengikut kesesuaian kehidupan individu dan gaya pembelajarannya meliputi perbezaan setiap individu dari aspek keturunan, pengalaman, minat, bakat dan sebagainya.

Menurut Nordin, Mazlan dan Mohd Kamal (1998), strategi pemusatan murid merupakan pendekatan utama dalam proses P&P di sekolah rendah. Asmah (1989) turut menyatakan bahawa program Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) menekankan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran. Oleh itu seorang pensyarah yang efisien perlu menekankan kepada aspek penglibatan pelajar secara aktif di dalam kelas.

“.....Untuk menjamin supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran benar-benar memenuhi objektif, berfaedah dan berkesan, penglibatan pelajar secara aktif adalah amat penting. Oleh itu pembelajaran harus berpusatkan pelajar.”

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989 dalam Zainal 1999)

Pembelajaran berpusatkan pelajar memerlukan pelajar lebih berdikari, bermotivasi tinggi dan bertanggungjawab terhadap semua aspek yang dipelajarinya. Pensyarah dan pihak institusi hanya sebagai pemimpin dan pembimbing kepada pelajar (Mc Combs & Whisler, 1997).

Manakala pembelajaran berpusatkan pensyarah merupakan pembelajaran secara tradisional. Pensyarah memainkan peranan dalam menguasai dan mengawal segala aktiviti pengajaran. Pensyarah banyak memainkan peranan iaitu dengan memberikan syarahan dan pelajar mendengar serta tidak berpeluang memberi pendapat dan pandangan ketika proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas (Atan Long, 1991). Strategi ini tidak memberi perhatian terhadap perbezaan pelajar dari segi kebolehan dan minat di samping kurang memupuk sifat-sifat sosial. Pelajar menjadi pasif, kurang kreatif dan tidak berinisiatif (Mok, 1998).

Guru-guru yang mengamalkan pengajaran secara tradisi lebih gemar menjalankan pengajaran secara sehalu di dalam kelas. Pengamalan ini dikenali sebagai pembelajaran berpusatkan pensyarah. Di sini pensyarah sahaja yang mencurahkan isi pelajaran sedangkan pelajar menadah dengan pasif. Pelajar-pelajar tidak diberi peluang untuk bertindak aktif ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan masalah ini timbul pelbagai kesan kepada pelajar seperti kesukaran menguasai proses

pembelajaran, bersikap pasif dan kehilangan minat terhadap mata pelajaran yang diajar oleh pensyarah (Atan Long, 1991).

1.2 Latar Belakang Masalah

Visi Politeknik adalah untuk melahirkan graduan dalam bidang kemahiran di samping menguasai teknologi dan menyediakan pendidikan dan latihan di dalam bidang teknikal yang diiktiraf antarabangsa (Visi Politeknik, 2000). Kemahiran yang dimaksudkan menjuruskan kepada kemahiran melahirkan idea-idea baru di samping cekap dan mahir merealisasikan dan menghasilkan produk. Kemahiran ini memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Pembelajaran berpusatkan pelajar memerlukan pelajar lebih berdikari, bermotivasi tinggi dan bertanggungjawab terhadap semua aspek yang dipelajarinya. Pensyarah dan institusi hanya sebagai pemimpin dan pembimbing kepada pelajar (Mc Combs & Whisler, 1997).

Dalam konteks pembelajaran Seni Reka Fesyen di Politeknik Johor Bahru, pelajar didedahkan untuk lebih bertindak aktif dan kreatif dalam melaksanakan pembelajarannya. Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar ini penting bagi pelajar-pelajar di Politeknik khususnya pelajar-pelajar Seni Reka Fesyen kerana majoriti pelajar yang mengikuti kursus di Politeknik merupakan pelajar-pelajar lepasan SPM yang kurang terdedah dengan bidang kemahiran kecuai pelajar-pelajar yang menyambung kursus dari sekolah teknik dan vokasional. Sistem persekolahan mereka masih lagi terikat dengan sistem pendidikan akademik, bukan pendidikan Sains dan